

**Sindiket dadah sasar industri hiburan**

# Sindiket dadah sasar industri hiburan

**Petaling Jaya:** Sindiket dadah menyasarkan golongan individu berkecimpung dalam industri hiburan tempatan kerana pasaran terbabit lebih luas dan menarik, terutama bagi penggunaan dadah sintetik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata dadah yang dihasilkan dalam bentuk pil kebiasaannya sukar dikesan, malah memudahkan usaha sindiket untuk menjualnya.

“Kita ada melakukan pemeriksaan rawak, namun cabaran dihadapi hari ini adalah kesan dadah dalam badan boleh hilang dalam masa dua hari, sekali gus menjadikan tugas penguatkuasaan semakin sukar.

“Bagaimanapun, pihak Kementerian memutuskan polis untuk terus menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap usaha pencegahan pengedaran

dan isu bekalan dadah, manakala Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) diamanahkan untuk menguruskan penguatkuasaan dan pemulihan individu yang menyalahgunakannya.

### Tiada keperluan calon tanding kena ujian dadah

“AADK juga akan memperkakan peranan mereka supaya masing-masing dapat melaksanakan penguatkuasaan, sekali gus mengawasi arena yang cenderung menjadi sasaran seperti industri hiburan,” katanya kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia Aviation Group (MAG) dan AADK sempena Program ‘Tempat Kerja Bebas Dadah’, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi MAG, Tan Sri Md Nor Yusof, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Izham Ismail dan Ketua Pengarah

AADK, Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin.

Nur Jazlan berkata, tiada keperluan bagi calon yang bakal bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) untuk menjalani pemeriksaan ujian dadah.

“Pada pandangan saya, kami sudah berdepan pelbagai pengawasan dan jangan wajibkan kami mengambilnya (ujian).

“Saya tidak nampak kepentingan calon menjalani ujian penyalahgunaan dadah. Rakyat akan bijak memilih setiap lima tahun, maka tidak perlu bimbang,” katanya.

### Kerjasama MAG, AADK tingkat pencegahan

Sementara itu, jalinan kerjasama antara MAG dan AADK akan membantu meningkatkan usaha pencegahan penyalahgunaan dadah di tempat kerja menerusi penyediaan kepakaran,

teknikal dan tenaga kerja yang diperlukan untuk melaksanakan program, termasuk ujian dadah rawak kepada kakitangan MAG.

Izham berkata, paparan skrin LED mengenai dasar toleransi sifar akan dipasang di premis bersesuaian di syarikat seluruh Malaysia, malah pemeriksaan sendiri berhubung dadah dan alkohol sudah dilakukan sejak beberapa tahun lalu.

“Kesalahan serius antaranya penggunaan, pemilikan, pengedaran atau penjualan dadah dan alkohol salah dari segi dasar toleransi sifar.

“Kita bukan sahaja akan memberhentikan pekerja yang bersalah, malah akan melaporkannya kepada polis untuk tindakan susulan supaya pemeriksaan boleh dijalankan sama ada terdapat ubat-ubatan di lapangan lokasi, termasuk hangar dan tempat kerja,” katanya.